


Gerhana Bulan Separa 1 Januari 2010


Pada 1 Januari 2010, kita akan berpeluang untuk menyaksikan Gerhana Bulan Separa dari jam 1:17 pagi hingga 5:28 pagi. Secara amnya gerhana bulan akan berlaku ketika fasa bulan penuh dan pada masa yang sama Bulan melintasi bayang Bumi seperti yang terdapat dalam Rajah 1.

Gerhana pada 1 Januari ini akan bermula dengan fasa penumbra (P1) pada jam 01:17 pagi waktu Malaysia. Walau bagaimanapun semasa fasa penumbra ini, kesan kenampakan gerhana masih tidak dapat diperhatikan memandangkan Bulan merentasi bayang penumbra Bumi yang kurang gelap.

Gerhana yang jelas dapat dilihat semasa Bulan memasuki bayang umbra Bumi (U1) mulai jam 02:53 pagi sehingga gerhana maksimum pada 03:24 pagi. Bulan akan keluar dari bayang umbra Bumi (U4) pada jam 03:53 pagi. Gerhana masih terus berlaku sehingga 05:28 pagi tetapi fenomena tersebut tidak dapat disaksikan pada waktu itu kerana Bulan berada di kawasan bayang Penumbra Bumi yang kurang gelap.



Rajah 1: Geometri Gerhana Bulan



Rajah 2: Fasa Gerhana Bulan Separa 1 Januari 2010

Fasa-fasa Gerhana Bulan Separa boleh diperhatikan seperti di Rajah 2 dengan keterangan seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Data Gerhana Bulan Separa Pada 1 Januari 2010

Fasa	Keterangan	Masa
P1	Bulan mula memasuki "Penumbra"	01:17 pagi
U1	Bulan mula mengalami fasa gerhana separa	02:53 pagi
Maksimum	Bulan berada separa dalam "Umbra"	03:24 pagi
U4	Bulan keluar sepenuhnya dari "Umbra"	03:53 pagi
P4	Bulan keluar dari "Penumbra"	05:28 pagi

Catatan: Umbra – Bahagian bayang yang sangat gelap

Penumbra – Bahagian luar bayang yang relatifnya lebih cerah